

## **Penguasaan Bahasa Melayu dan KOMSAS daripada Perspektif Guru dan Murid**

*Harishon Radzi  
Kalthum Ibrahim*

*Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **Abstrak**

Persoalan penting yang sering menghantui kita apabila berhadapan dengan pedagogi bahasa ialah pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kaedah pengajaran dan pembelajaran seringkali dibincangkan. Namun jarang kajian dilakukan terhadap penguasaan bahasa menurut perspektif guru dan murid. Komponen sastera dalam Bahasa Melayu atau dikenali sebagai KOMSAS merupakan suatu subjek yang amat menarik untuk dikaji. Dapatan awal menunjukkan bahawa remaja Malaysia kurang meminati subjek tersebut kerana mereka menyatakan bahawa cara pengajaran yang digunakan guru tidak menarik minat mereka. Begitu juga jikalau dilihat daripada perspektif guru, mereka menyatakan pelajar kurang berminat untuk terus mengikuti pembelajaran. Bagi penguasaan bahasa Melayu pula, statistik menunjukkan pelajar mempunyai persepsi bahawa pembelajaran tatabahasa bahasa Melayu adalah sukar. Lima buah negeri telah menjadi medan penyelidikan ini iaitu Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Sarawak dan Sabah. Bagi setiap negeri, tiga buah sekolah telah terlibat yang mewakili sebuah sekolah dari luar bandar, pinggir bandar dan bandar. Pemilihan ini dibuat untuk memastikan dapatan tersebut boleh mewakili responden remaja di seluruh Malaysia. Jumlah pelajar yang dijadikan responden adalah seramai 1523 orang. Penyelidikan yang dijalankan inilah yang digunakan untuk memperbaiki kekurangan yang didapati dalam pelaksanaan sesuatu perkara. Diharapkan segala dapatan ini membantu pihak kementerian pendidikan, jabatan pendidikan dan pihak berwajib yang lain merangka kurikulum bahasa Melayu amnya dan KOMSAS khususnya. Oleh itu dapat dikatakan bahawa penyelidikan linguistik amat penting bagi menentukan tujuan pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai dengan jayanya.

### **Abstract**

An important issue relating to language pedagogy is the teaching and learning component and methods in teaching and learning has been of interest on language discussion platforms. However, researches in mastering language from the perspectives of teachers and students are few and thus should also be an area of study. Preliminary findings of a research in literature as a component in Bahasa Melayu or KOMSAS shows that youth in Malaysia lack interest in literature as a subject due to the teaching

PENGUASAAN BAHASA MELAYU DAN KOMSAS DARIPADA  
PERSPEKTIF GURU DAN MURID

approaches which according to the students are not interesting. Similarly, according to teachers, students lack interest in learning literature through KOMSAS. In terms of mastering the language, statistic shows that students have the perception that learning the Malay grammar is difficult. A survey was conducted in five states - Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Sarawak and Sabah in Malaysia where in each state, three schools were selected to represent rural, outskirts and urban areas. The selection was made to ensure the respondents could represent Malaysian youth. A number of 1523 respondents were involved in this research which was conducted to provide a feedback on the implementation of the programme with targeted stakeholders including the Ministry of Education, education departments and other authorities in the area of education who are responsible in the implementation of KOMSAS and bahasa Melayu curriculum. This research hopes to provide a significant contribution in the teaching and learning of Bahasa Melayu and the Malay literature.

**Pengenalan**

Sistem pendidikan adalah landasan utama untuk meningkatkan martabat bahasa Melayu khususnya dalam aspek penguasaan bahasa tersebut. Penguasaan – pengajaran dan pembelajaran akal budi Melayu dalam pedagogi bahasa Melayu merujuk kepada antaranya cara menakul, menanggapi, membentuk pandangan dan menyatakan kemahuan dan perasaan yang didapati lazim pada bahasa dan budaya Melayu (Teo Kok Seong, 2006).

Beberapa dasar kerajaan berkaitan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan negara seperti bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar dan menjadikan pendidikannya sebagai mata pelajaran teras harus menjadi titik tolak ke arah memartabatkan bahasa Melayu sekaligus meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Penubuhan Jawatankuasa Razak pada tahun 1956 turut memperlihatkan kejelasan tentang wawasan pembentukan negara yang turut memperhitungkan peranan bahasa, apabila Laporan Razak menegaskan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara ini. Pancang yang diasaskan oleh Jawatankuasa Razak dan kemudian diperkukuh oleh Jawatankuasa Rahman Talib (1960) itulah yang kemudian menjadi asas Akta Pendidikan 1961 dan diperteguh pernyataannya dalam Akta Pendidikan 1996.

KOMSAS kependekan daripada pengajaran komponen Kesusasteraan dalam Bahasa Melayu (BM). Pelaksanaan Kesusasteraan Melayu sebagai komponen wajib dalam mata pelajaran BM telah diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia kepada Sekolah Menengah di seluruh Malaysia bermula pada tahun 2000. KOMSAS telah menjadi mata pelajaran yang mesti diajar kepada pelajar tingkatan satu hingga tingkatan

lima. Tujuan sastra diajar kepada pelajar sekolah adalah untuk memupuk dan meningkatkan minat membaca dalam kalangan pelajar, serta memperkukuhkan kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, dan menulis. Di samping itu, pengajaran komponen Kesusasteraan Melayu diharap dapat menyumbang kepada pembentukan sahsiah, peluasan pengetahuan dan persepsi pelajar, serta meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang kemanusiaan, kemasyarakatan dan budaya. (surat pekeliling 5/2000).

Tarikh pelaksanaan bagi Komponen Kesusasteraan Melayu dijalankan secara berperingkat-peringkat mulai bulan Mac 2000 hingga tahun 2002. Bulan Mac 2000 dilaksanakan untuk Tingkatan 1 & Tingkatan 4, pada tahun 2001 : Tingkatan 2 & Tingkatan 5, dan akhirnya pada tahun 2002 : Tingkatan 3. Bahan sastra merupakan hasil pemikiran yang menggunakan bahasa yang indah dan kreatif (Kalthum Ibrahim, 2006). Beliau menganggap bahan yang berbentuk sastra merupakan bahan yang paling sesuai digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa yang berkesan. Ia menyifatkan bahan sastra merupakan alat hiburan yang dapat memberi ketenangan dan merehatkan fikiran. Oleh sebab itu sebagai hasil kreatif yang menggunakan bahasa dengan baik sama ada melalui pengucapan ataupun secara bertulis yang dianggap paling sesuai untuk dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa.

#### **Pelaksanaan**

Kajian mengenai kelemahan bahasa Melayu (BM) di sekolah memang telah banyak dilakukan. Misalnya kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad dan Idris Aman (2003) berkenaan prestasi pelajar PMR dalam subjek BM. Fokus kajian kepada permasalahan konflik nahu yang diajarkan dengan nahu penutur jati yang jelasnya memberi kesan yang mendalam pada penguasaan BM pelajar tingkatan 3. Kajian mengenai prestasi BM turut dilakukan oleh, Ramli Md. Salleh, Idris Aman, Fadzeli Jaafar dan Ismail Salleh (2000) di Felda Negeri Sembilan membuktikan hal yang sama. Kemasukan komponen sastra dalam subjek BI telah mendorong satu kajian mengenainya dijalankan. Kajian Ganakumaran S., Shahizah Ismail Hamdan dan Koo Yew Lie (2003) membuktikan guru mempunyai sikap positif dan terbuka untuk menerapkan KOMSAS dalam pengajaran BI tetapi pada masa yang sama guru mengharapkan sokongan dan tunjuk ajar yang lebih padu daripada pihak kementerian untuk mengeksploitasi teks sastra itu sendiri. Dapatan kajian Gurnam Kaur Sidhu (2003) pula mendapati pelajar merasa 'boring' dengan puisi yang diberikan kerana ianya tidak sesuai daripada segi tema, minat dan tahap kemahiran bahasa mereka. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Zalina Mohd Lazim dan Fauziah Ahmad (2008) mendapati pemilihan teks sastra bahasa Inggeris amat penting bagi menentukan pelajar berminat membaca teks tersebut dan seterusnya mendapat pencapaian yang baik dalam peperiksaan bahasa Inggeris mereka.

PENGUASAAN BAHASA MELAYU DAN KOMSAS DARIPADA  
PERSPEKTIF GURU DAN MURID

Jelasnya telah ada kajian yang menyangkut masalah pengajaran dan pembelajaran BM dan BI di sekolah. Setelah ditelusuri kajian-kajian lepas, kajian berkenaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dan KOMSAS sudah sewajarnya dilaksanakan. Oleh itu penyelidik akan mengkaji perkara tersebut dengan melihat perspektif guru dan murid.

**Persepsi Guru Tentang Penerimaan dan Penguasaan Pelajar Terhadap  
Bahasa Melayu**

Tahap penguasaan pelajar bergantung pada asas yang telah dipelajari pada tahap sekolah rendah. Sekiranya, pada tahap sekolah rendah pelajar memang lemah penguasaan bahasa Melayu, masalah sama akan merebak hingga ke sekolah menengah. Oleh itu, pada tahap sekolah menengah, pelajar gagal menghasilkan karangan yang baik terutamaaya dari aspek penggunaan tatabahasa. Misalnya, pelajar tidak dapat membezakan fungsi ‘di’ sama ada sebagai imbuhan atau kata sendi nama. Contoh ‘di rumah’ dan dibaca’. Dalam kajian Harishon Radzi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Mustaffa Omar (2009) mendapati bilangan pelajar di tiga buah sekolah di Sarawak lebih ramai salah kerana memilih perkataan /di pantau/ sebagai betul.

**Di pantau – Dipantau (ejaan)**

**Kajian**

Tujuan kajian yang dilakukan ialah untuk melihat perspektif guru dan murid terhadap; pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dan KOMSAS sama ada mereka suka, atau tidak mata pelajaran tersebut. Begitu juga penyelidik merasakan kajian yang dijalankan perlu melihat minat murid kesusasteraan. Kajian seperti ini dapat dikatakan sebagai kajian rintis, juga diharap daripada uji teknik yang dilakukan penyelidik dapat memperbaiki dan mengedit soalan-soalan dan barangkali juga meminda ujiannya (Asmah Haji Omar 2001:94). Pemilihan penyelidikan lapangan hiliran dibuat kerana kajian berkenaan lebih bersifat sosiolinguistik iaitu penyelidik melihat sikap dan persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu dan KOMSAS. Kajian sosiolinguistik juga tertumpu kepada perkara-perkara yang mengkaji perhubungan antara bahasa dan masyarakat. Dalam konteks tersebut masyarakat bahasa yang dimaksudkan ialah murid sekolah menengah di Malaysia. Kajian berkenaan terbatas kepada 100 orang guru dan 1,523 orang murid.

Di samping itu, kajian ini juga melibatkan kedua-dua kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kedua-dua kaedah tersebut saling melengkapi dan dapat memberi gambaran yang lebih jelas kepada perkara yang dikaji. Buku teks bahasa Melayu dan KOMSAS Tingkatan Empat (sasaran kajian adalah pelajar tingkatan empat) digunakan agar soal selidik yang dibentuk bersesuaian dengan sukatan pelajaran murid. Namun begitu untuk melihat perspektif guru berkenaan pengajaran – pembelajaran bahasa Melayu dan

KOMSAS satu sesi temu bual dijalankan kepada guru-guru yang mengajar bahasa Melayu pada setiap negeri yang dikaji.

**Persepsi Guru Tentang Penerimaan dan Penguasaan Pelajar Terhadap Bahasa Melayu**

Tahap penguasaan pelajar bergantung pada asas yang telah dipelajari pada tahap sekolah rendah. Sekiranya, pada tahap sekolah rendah pelajar memang lemah penguasaan bahasa Melayu, masalah sama akan merebak hingga ke sekolah menengah. Oleh itu, pada tahap sekolah menengah, pelajar gagal menghasilkan karangan yang baik terutamaaya dari aspek penggunaan tatabahasa. Misalnya, pelajar tidak dapat membezakan fungsi ‘di’ sama ada sebagai imbuhan atau kata sendi nama. Contoh ‘di rumah’ dan dibaca’. Dalam kajian Harishon Radzi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Mustaffa Omar (2009) mendapati bilangan pelajar di tiga buah sekolah di Sarawak lebih ramai salah kerana memilih perkataan /di pantau/ sebagai betul.

**Di pantau – Dipantau (ejaan)**

Nama Sekolah	Di pantau – dipantau (ejaan)			Jumlah
	Salah	Betul	999.00	
SMK Batu Kawa	59	47	0	106
SMK Tun Abdul Razak	77	27	2	106
SMK Penrissen	86	6	2	94

Jadual 3.1: Jumlah Betul dan Salah Bagi ejaan di pantau - dipantau

Pelajar diuji mengenal pasti dan membetulkan ejaan yang diberi dalam soalan peperiksaan. Dalam jadual di atas, didapati semua pelajar di ketiga-tiga sekolah lebih ramai salah daripada betul ejaan *dipantau*. Hanya 47 orang dari SMK Batu Kawa betul dari 106 pelajar. Sedangkan dari sekolah SMK Tun Abdul Razak pula hanya 27 orang betul dari 106 orang. Manakala dari SMK Penrissen pula hanya 7 orang sahaja pelajar betul dari 94 orang pelajar. Jelas sekali pelajar tidak mengetahui penulisan imbuhan /di-/ mesti ditulis rapat dengan kata dasar /pantau/.

Pengajaran bahasa Melayu di sekolah hanya untuk lulus peperiksaan bukannya untuk mendidik. Justeru terdapat pelajar yang membuat kesilapan membina ayat sama ada bahagian subjek dan predikat di samping tidak memahami bahagian konteks ayat. Fenomena ini menjadi lebih parah sekiranya pelajar yang tidak tahu membaca. Justeru mereka tidak dapat menjawab soalan. Di samping itu, terdapat pelajar tidak dapat mengenal pasti kesalahan struktur dan istilah dalam ayat. Terdapat masalah ejaan iaitu, ejaan perkataan tidak mengikut sebutan sebenar. Misalnya, *prihatin* dieja sebagai *perihatin*, *mantera* dieja *mentera* dan sebagainya.

PENGUASAAN BAHASA MELAYU DAN KOMSAS DARIPADA  
PERSPEKTIF GURU DAN MURID

Para guru mendapati bahawa pelajar tidak suka belajar bahasa Melayu kerana terdapat perubahan yang kerap berlaku dalam tatabahasa bahasa Melayu. Misalnya ‘di kalangan’ dan ‘dalam kalangan’. Pelajar menganggap hal tersebut remeh-temah dan tidak wajar berubah-ubah dari segi pelaksanaan penggunaannya. Mereka membandingkan dengan kamus Bahasa Inggeris. Kamus bahasa Melayu sering kali berubah dan boleh dilupakan kerana tidak boleh dipakai lagi. Sedangkan kamus Oxford dari tahun 1956 masih boleh diguna pakai sehingga sekarang. Penggunaan bahasa Melayu baku dihalang oleh pihak lembaga atasan. Keadaan ini berlaku di luar bandar. Guru berpendapat pengajaran BM pada tahap tingkatan lima harus lebih bercorak ke arah penulisan untuk memantapkan pelajar melahirkan idea. Sepatutnya pada tahap tingkatan lima, aspek tatabahasa sudah mantap dan apa yang perlu pada tahap ini ialah bagaimana hendak memahirkan pelajar melahirkan idea-idea di atas kertas.

Berdasarkan pengalaman mengajar di kawasan bandar dan luar bandar, guru mendapati pelajar di luar bandar menguasai dan mempelajari bahasa Melayu dengan lebih baik berbanding pelajar di bandar. Misalnya, pelajar Melayu di Kuching kurang menguasai dan mempelajari bahasa Melayu. Dialek biasanya akan mempengaruhi bahasa dalam penulisan. Manakala pelajar bukan Melayu yang belajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, seperti orang Ulu di kawasan luar bandar menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik, sama ada dari segi peraturan dan peperiksaan. Biasanya keputusan SPM bahasa Melayu pelajar di luar bandar di Sarawak adalah 60% ke atas.

Kebiasaannya, dalam sesuatu pertandingan dari aspek kebahasaan seperti perbahasan dan pidato seringkali dimenangi oleh pelajar bukan Melayu terutamanya di sekolah di bahagian Bintulu. Hakikatnya, mereka boleh bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik berbanding pelajar Melayu. Di samping itu, penggunaan dialek tempatan boleh mempengaruhi pembinaan struktur ayat, contohnya “kerja buat kita” (ayat transitif dialek Kelantan yang berbeza dengan bahasa standard). Terdapat juga kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu disebabkan oleh pengaruh bahasa ibunda. Misalnya pengaruh dialek Melayu Sarawak pada aspek kata nama seperti ‘pasar’ dan ‘motor’. Dalam bahasa Melayu Sarawak ‘pasar’ bermaksud ‘bandar’ tetapi dalam bahasa standard ia membawa makna yang lebih sempit iaitu seperti ‘pasar ikan’, ‘pasar sayur’ dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan berlakunya penyempitan makna. Manakala istilah ‘motor’ pula mengalami peluasan makna. ‘Motor dalam dialek Sarawak merujuk kepada semua jenis ‘kederaan bermotor’ sedangkan dalam bahasa Melayu standard ia merujuk kepada ‘motorsikal’ sahaja. Perkataan seperti contoh di atas sering diguna oleh pelajar dalam penulisan karangan.

Kebolehan pelajar bumiputera (luar bandar) menguasai bahasa dengan baik juga disebabkan oleh faktor survival atau kehidupan. Mereka

belajar Bahasa Melayu sebagai patrioti untuk merebut peluang pekerjaan di bandar. Namun terdapat juga kelemahan pelajar bumiputera ini, misalnya dari aspek penguasaan perbendaharaan dan penggunaannya dalam konteks yang sesuai. Misalnya pelajar ini tidak tahu menggunakan istilah baru khususnya istilah *komputer*. Kelemahan mereka ketara sehingga mereka tidak dapat mengikuti arus pembangunan di bandar.

Pelajar bukan Melayu seperti Cina dan India, masih ada yang tidak tahu menggunakan kata ganti nama yang betul. Misalnya mereka membahaskan gurunya sebagai 'kamu' atau 'awak'. Dalam penulisan surat tak rasmi, pelajar menggunakan kata ganti nama yang tidak betul. Misalnya mereka membahaskan gurunya sebagai 'kamu' dan 'awak'. Dalam penulisan surat tak rasmi, pelajar menggunakan nama sendiri sebagai kata ganti nama pertama. Keadaan ini dipengaruhi radio dan televisyen. Namun begitu, pelajar lebih suka menonton rancangan televisyen swasta berbanding RTM. Bagi mereka, RTM sangat membosankan kerana adanya rancangan dokumentari dan wawancara.

Berdasarkan maklumbalas daripada guru didapati ramai guru yang bukan opsyen Bahasa Melayu mengajar subjek ini sekadar untuk mencukupkan kuota. Guru mencadangkan BM diajar orang Melayu dan bumiputera. Hal ini demikian kerana guru bukan Melayu dikatakan menghadapi masalah seperti sebutan perkataan yang tidak tepat. Tambahan pula, terdapat guru yang bermasalah dalam mengajar tatabahasa dari aspek penerapan dan pemahaman secara serentak. Guru tidak bersetuju dengan istilah 'bahasa Malaysia' dan ingin mengekalkan istilah 'bahasa Melayu' kerana bahasa bukan politik yang boleh diubah-ubah. Di samping itu guru bahasa Melayu tidak bersetuju dengan penggunaan bahasa Inggeris dalam kursus PTK terutamanya dalam sesi 'public speaking'.

Maklum balas pertemuan dengan kumpulan guru mendapati pembahagian pengajaran tidak seimbang kerana ada guru yang mengajar 31 waktu sedangkan guru lain 18 atau 20 waktu sahaja. Guru sanggup mengajar pelajar tuisyen percuma tetapi pelajar tidak datang. Ibu bapa hanya mengharap guru sahaja mengajar anak-anak dan tidak mempunyai alternatif mereka sendiri. Bagi mengatasi masalah ini, kalau pelajar tidak dapat membezakan ayat, guru akan membuat latihan berdasarkan contoh-contoh ayat dalam karangan. Oleh yang demikian guru akan merujuk kamus terlebih dahulu untuk mengetahui maksud sesuatu perkataan, kemudian membina ayat paling mudah (subjek dan predikat sahaja). Guru akan meminta pelajar memberi jawapan dalam bentuk dialog sekiranya kata dasar yang keluar pada bahagian membina ayat. Sebagai usaha meningkatkan kemahiran penguasaan bahasa Melayu, guru akan memberi banyak latihan dan menggalakkan pelajar menambah atau menyelitkan peribahasa dalam ayat mereka.

PENGUASAAN BAHASA MELAYU DAN KOMSAS DARIPADA  
PERSPEKTIF GURU DAN MURID

**Pandangan Guru terhadap KOMSAS**

Kebanyakan pelajar tidak berminat membaca bahan sastera yang disediakan dalam KOMSAS. Misalnya, novel Bukit Kepong. Pelajar tidak suka membaca novel ini kerana mereka boleh menonton filemnya. Hal ini membuktikan para pelajar tidak mampu menghayati sastera. Pelajar lebih suka membaca novel popular Alaf 21 dan Creative Enterprise berbanding novel yang dihasilkan oleh sasterawan negara. Tambahan pula bagi pelajar – KOMSAS adalah sesuatu yang membosankan kerana novel ‘Kanang’ dan ‘ Di Hadapan Pulau’ susah untuk difahami kerana bahasanya yang berbelit-belit dan tidak disampaikan secara langsung. Pelajar lebih suka cerita yang dekat dengan jiwa mereka. Misalnya, kisah kehidupan dan perjuangan seorang remaja masa kini.

Guru di Kelantan berpendapat, bahan KOMSAS di Selangor dan di bahagian Utara lebih menarik berbanding di Kelantan. Melalui kursus, guru dikehendaki mengajar pelajar dengan cara membuat lakonan atau drama supaya pelajar dapat menghayati sastera, tetapi kekangan masa menyebabkan aktiviti ini gagal dijalankan sepenuhnya.

Di samping itu, pelajar tidak boleh menerima bahasa sastera yang terlalu berbelit-belit. Di sekolah pelajar aliran sastera biasanya pelajar lemah. Guru tidak bersetuju subjek sastera dikhususkan untuk pelajar lemah kerana subjek ini susah difahami. Sepatutnya subjek ini diberikan kepada pelajar kelas pandai atau pelajar aliran sains. Sekiranya hal ini dapat ditangani dengan betul, ibarat ‘sambil menyelam minum air’ kerana di samping pelajar sains menguasai ilmu dalam bidang sains, mereka juga berkemahiran dalam bidang sastera.

Guru mengalami kesukaran mengajar KOMSAS kepada pelajar bukan bumiputera daripada genre prosa klasik, novel dan cerpen kerana pelajar sukar memahami maksud perkataan yang digunakan. Tambahan pula terdapat pelajar yang tidak menguasai 3M sepenuhnya. Bagi pelajar Melayu, mereka tidak boleh menggunakan makmal komputer kerana terhad kepada subjek matematik dan sains sahaja. Masalah lebih meruncing kerana terdapat pelajar yang pada waktu siang ke sekolah, manakala waktu malam bekerja dan tidak memberi tumpuan apabila datang ke sekolah.

Pemilihan novel dan teks klasik menyebabkan pelajar tidak berminat membaca – mereka lebih suka membaca novel cinta. Pemahaman terhadap teks menjadi sukar sekiranya novel mempunyai teknik imbas kembali. Banyak pelajar tidak memahami novel ‘Terminal tiga’ (Otman Puteh). Ketidakhahaman ini berlaku dari aspek penggunaan bahasa yang digunakan oleh pengarang. Novel ini banyak menggunakan teknik imbas kembali. Gaya bahasa dalam drama dan cerpen pada antologi ‘kerusi’ terlalu abstrak sehingga pelajar tidak dapat memahaminya.

Teks atau bahan pengajaran KOMSAS tidak dapat menarik minat pelajar untuk memahami teks tersebut terutamanya pelajar dalam kelas lemah

yang tidak tahu membaca. Terdapat kes pelajar dalam kelas lemah tidak membawa buku ke sekolah, tidak ada buku dan pen sebab mereka datang sekolah atas paksaan ibu bapa. Pelajar tidak berminat membaca KOMSAS kerana penguasaan kosa kata masih kurang. Pelajar belajar KOMSAS kerana bahasa Melayu mesti diambil dan wajib lulus. Sikap pelajar dan guru menyebabkan pelajar tidak boleh menguasai kosa kata. Pelajar kurang berminat belajar tatabahasa dan guru tidak berminat mengajar tatabahasa. Guru bukan bahasa Melayu bukan mengajar bahasa Melayu. Seperkara lagi, strategi mengajar gurindam tidak ada lagi. Guru sastera dan guru bahasa Melayu mempunyai masalah untuk berbincang. Guru yang mengajar KOMSAS boleh menyelokakan dan menggurindamkan tapi guru bahasa Melayu tidak ada pengetahuan ini.

Berdasarkan maklum balas daripada guru, terdapat beberapa cara mengatasi masalah dalam KOMSAS. Mereka akan membuat rencana seperti mendeklamasi sajak, pantun dan juga berlakon. Lakonan dilakukan terhadap teks Bukit Kepong agar pelajar dapat menjiwai watak dan memahami teks tersebut dengan mudah. Di samping itu guru boleh membimbing pelajar melukis perjalanan rimba untuk membantu memahami teks *Rimba*. Sebaliknya pelajar dalam kelas lemah akan disuruh menghafal sahaja.

Guru diberi latihan mengajar KOMSAS melalui kursus yang dianjurkan oleh DBP, iaitu cara menyampaikan puisi. Kesannya guru akan dapat memberi penerangan berdasarkan kefahaman guru sendiri. Sebagai motivasi kepada pelajar, guru boleh meningkatkan kemahiran berbahasa. Seperti memberi hadiah kalau keputusan baik sambil mengadakan pertandingan dan bulan bahasa.

#### **Permintaan Daripada Guru-guru**

Guru meminta pihak DBP atau mana-mana badan yang menganjurkan aktiviti bahasa menghantar surat terus melalui sekolah bukan melalui surat khabar. Hal ini kerana melibatkan banyak laluan protokol dan mengambil masa. Akhirnya guru akan mendapat maklumat dan membuat tindakan dalam waktu yang terhad. Mereka turut meminta PPD agar menetapkan soalan yang selaras. Dengan cara ini tahap penguasaan pelajar dapat dinilai dengan lebih menyeluruh.

#### **Sikap dan Persepsi Murid Terhadap Pelajaran Bahasa Melayu dan KOMSAS**


Kajian awal tentang sikap bahasa menggunakan konsep dan struktur pengukuran yang diasaskan oleh Gardner dan Lambert (1972). Menurut model ini, sikap terdiri daripada komponen kognitif dan afektif, dan komponen-komponen ini mengandungi sistem kepercayaan, reaksi-reaksi emosi, dan kecenderungan perlakuan yang berkait dengan sesuatu sikap.

PENGUASAAN BAHASA MELAYU DAN KOMSAS DARIPADA  
PERSPEKTIF GURU DAN MURID

Dengan kata lain, sikap terdiri daripada kecenderungan bawah sadar (*underlying psychological predisposition*) untuk melakukan sesuatu atau menilai sesuatu perlakuan (Gardner, 1985). Ini bermakna, sikap mempunyai hubungan dengan nilai dan kepercayaan seseorang dan mempengaruhi tindakan individu tersebut dalam segala konteks dan aktiviti, termasuklah aktiviti akademik dan sosial. Oleh itu dapatlah dikatakan kajian terhadap sikap, persepsi pelajar terhadap komponen sastera boleh menunjukkan juga sikap pelajar sama ada positif atau sebaliknya terhadap bahasa.

**Sikap Pelajar Terhadap BM**


Berdasarkan rajah 3.1 di bawah, pelajar-pelajar daripada bangsa Melayu, India, Iban dan kadazan mempunyai persepsi yang positif terhadap Bahasa Melayu kerana peratusannya melebihi 80%. Hanya pelajar dari bangsa Cina sahaja yang 44.2% memberikan persepsi positif. Sedangkan 55.8% pelajar dari bangsa Cina memberikan persepsi negatif terhadap bahasa Melayu.



Rajah 3.1: Sikap pelajar terhadap bahasa Melayu.

**Mata Pelajaran BM Membosankan**


Dalam rajah 3.2, kebanyakan pelajar tidak bersetuju sekiranya bahasa Melayu dikatakan sebagai pelajaran yang membosankan. Statistik menunjukkan bahawa pelajar Melayu 16.6%, Cina 37.7%, India 16.7%, Iban 24.2% dan Kadazan 33.3% tidak bersetuju menganggap pelajaran BM membosankan.



Rajah 3.2: Mata pelajaran BM membosankan

**Kandungan BM Terlalu Banyak Untuk Dipelajari**

Pelajar turut memberi maklum balas berkenaan kandungan bahasa Melayu. Seramai 40.3% pelajar Melayu bersetuju bahawa kandungan BM terlalu banyak untuk dipelajari; bagi pelajar Cina pulak 61.7% bersetuju, pelajar India 46.3% bersetuju; pelajar Iban 36.4% bersetuju dan pelajar Kadazan 56.7% bersetuju. Secara ringkasnya, majoriti pelajar dari etnik yang dikaji mendapati kandungan BM terlalu banyak untuk dipelajari.




Rajah 3.3: Kandungan BM terlalu banyak untuk dipelajari

**BM Tidak Perlu Menjadi Mata Pelajaran Wajib Di Sekolah**

Walaupun majoriti pelajar mendapati kandungan BM terlalu banyak untuk dipelajari tetapi statistik dalam rajah 3.4 menunjukkan bahawa kelima-lima bangsa pelajar menentang jika BM tidak dijadikan mata pelajaran wajib di sekolah. Pelajar dari bangsa Iban sangat menyokong dengan peratusan 92.4%, diikuti pelajar dari bangsa Melayu iaitu 83.7%. Pelajar dari bangsa Kadazan turut menyokong sebanyak 73.3%. Bagi pelajar dari bangsa India dan Cina pula adalah sebanyak 74.1% dan 50%.


PENGUASAAN BAHASA MELAYU DAN KOMSAS DARIPADA  
PERSPEKTIF GURU DAN MURID



Rajah 3.4: BM tidak perlu menjadi mata pelajaran wajib di sekolah

**Mata Pelajaran BM Memberikan Kemahiran Bertutur**

Kesemua pelajar dari lima bangsa yang dikaji memberi sikap positif terhadap Bahasa Melayu yang dapat memberikan kemahiran bertutur. Berdasarkan rajah 3.5 di bawah, Seramai 28.6% pelajar Cina, 16.7% pelajar India, 10.6% pelajar Melayu bersetuju bahawa pelajaran Bahasa Melayu yang dapat memberikan kemahiran bertutur. Manakala bagi pelajar dari bangsa Iban dan dan kadazan pula sebanyak 6.1% dan 6.7%. Analisis terhadap data tersebut mendapati kebanyakan pelajar tidak pasti sama ada pelajaran Bahasa Melayu yang dapat memberikan kemahiran bertutur. Berkemungkinan hal ini berlaku kerana pelajar-pelajar ini turut terpengaruh dengan bahasa natif mereka bila dikaitkan dengan kemahiran pertuturan.




Rajah 3.5: Mata pelajaran BM memberikan kemahiran bertutur

**Mata Pelajaran BM Memberikan Kemahiran Menulis**

Berdasarkan rajah 3.6 yang memaparkan peratusan sikap pelajar berkenaan mata pelajaran BM memberikan kemahiran menulis hampir sama dengan peratusan bagi rajah 3.5 di atas iaitu berkenaan Bahasa Melayu yang dapat memberikan kemahiran bertutur. Statistik menunjukkan bahawa seramai 28.6% pelajar Cina, 16.7% pelajar India, 10.6% pelajar Melayu bersetuju bahawa pelajaran Bahasa Melayu yang dapat memberikan kemahiran bertutur. Manakala bagi pelajar dari kaum Iban dan dan Kadazan pula sebanyak 6.1% dan 6.7%. Analisis terhadap data tersebut turut mendapati kebanyakan pelajar tidak pasti sama ada pelajaran Bahasa Melayu yang dapat memberikan


kemahiran menulis. Malahan pelajar Melayu seramai 91.9% memberikan jawapan tidak pasti.



Rajah 3.6: Mata pelajaran BM memberikan kemahiran menulis

**Penguasaan BM Penting Untuk Mendapatkan Pekerjaan**

Pelajar-pelajar dari 5 bangsa yang dikaji menyedari bahawa BM adalah penting untuk mendapatkan pekerjaan. Kesedaran mereka dapat dikenal pasti melalui statistik dalam rajah 3.7 di bawah. Pelajar Iban paling tinggi peratusannya iaitu sebanyak 92.4%, diikuti pelajar Melayu 79.2%, pelajar India 74.1%, pelajar Kadazan 66.7% dan pelajar Cina sebanyak 58.4%.



Rajah 3.7: Penguasaan BM penting untuk mendapatkan pekerjaan


**Persepsi Terhadap Bahasa Melayu**

Persepsi pelajar terhadap BM dapat dinilai berdasarkan dua soalan yang dikemukakan dalam soal selidik iaitu pertama: BM adalah bahasa yang dapat menyatukan semua kaum; kedua – BM mesti menjadi bahasa jati diri bangsa Malaysia. Berdasarkan rajah 3.8 di bawah, kesemua pelajar daripada 5 kaum yang dikaji memberi persepsi positif iaitu bersetuju bahawa BM adalah bahasa yang dapat menyatukan semua kaum. Peratusan paling tinggi ialah pelajar dari kaum Iban (84.8%) diikuti pelajar kaum Kadazan (80%). Namun begitu Pelajar dari kaum Cina adalah paling rendah peratusannya iaitu sebanyak 50.6% sahaja.

Berdasarkan rajah 3.8 juga, didapati peratusan yang menunjukkan reaksi positif bahawa BM mesti menjadi bahasa jati diri bangsa Malaysia

PENGUASAAN BAHASA MELAYU DAN KOMSAS DARIPADA  
PERSPEKTIF GURU DAN MURID


agak memberangsangkan. Peratusan bagi pelajar Melayu adalah paling tinggi iaitu 91.8%. Makala peratusan bagi pelajar kaum Iban pula sebanyak 84.8%. Bagi persepsi bahagian ini, pelajar dari kaum Cina adalah paling rendah peratusannya iaitu sebanyak 54.6% sahaja.



Rajah 3.8: Persepsi Terhadap Bahasa Melayu

**Saya (pelajar) Banyak Menggunakan BM Di Sekolah**


Persepsi pelajar berdasarkan kaum berkenaan penggunaan BM di sekolah adalah pelbagai. Namun begitu kesemua pelajar bersetuju bahawa mereka banyak menggunakan BM semasa di sekolah. Pelajar Melayu dan Kadazan adalah paling tinggi peratusannya iaitu 88.7% dan 80.0%. Manakala pelajar kaum Iban pula 74.2%. Bagi pelajar kaum India dan Cina agak rendah peratusannya iaitu 37.0% dan 35.7% sahaja.



Rajah 3.9: Saya banyak menggunakan BM di sekolah

**Belajar KOMSAS Adalah Perkara yang Susah**

Bagi persepsi pelajar berkenaan belajar KOMSAS adalah perkara yang susah dapat diperhatikan dalam rajah 3.10 di bawah. Peratusan pelajar yang bersetuju dan tidak bersetuju adalah lebih kurang sama sahaja. Bagi pelajar Melayu, sebanyak 24.1% bersetuju dan 49.3% tidak bersetuju. Peratusan bagi pelajar Melayulah sedikit berbeza dan tinggi. Sedangkan peratusan bagi pelajar Cina pula 44.8% bersetuju dan 25.3% tidak bersetuju. Manakala bagi pelajar Kadazan – 33.3% bersetuju dan 50% tidak bersetuju. Hal yang sama dapat diperhatikan pada pelajar Iban – 22.7% bersetuju dan 30.3% tidak bersetuju bahawa belajar KOMSAS adalah perkara yang susah.




Rajah 3.10: Belajar KOMSAS adalah perkara yang susah

**KOMSAS Dapat Membantu Pelajar Memperbaiki Penguasaan BM**

Kebanyakan pelajar dari pelbagai kaum yang dikaji menyedari bahawa KOMSAS dapat membantu memperbaiki penguasaan BM mereka. Statistik dalam rajah 3.11 di bawah memaparkan peratusan yang agak baik. Pelajar dari kaum India adalah yang paling bersetuju bahawa KOMSAS dapat membantu memperbaiki penguasaan BM mereka iaitu sebanyak 74.1%. Diikuti oleh pelajar Iban sebanyak 66.7%. Malahan 45.5% pelajar kaum Cina turut memberi reaksi bersetuju. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa sastera berupaya mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu.


PENGUASAAN BAHASA MELAYU DAN KOMSAS DARIPADA  
PERSPEKTIF GURU DAN MURID



Rajah 3.11: KOMSAS dapat membantu pelajar memperbaiki penguasaan BM

**Membuat Buku Folio KOMSAS Dapat Membantu Pelajar untuk Memahami Teks dengan Lebih Baik**


Kesemua pelajar dari 5 kaum yang dikaji bersetuju bahawa membuat buku folio KOMSAS dapat membantu mereka untuk memahami teks sastra dengan lebih baik. Berdasarkan statistik dalam rajah 3.12 di bawah, pelajar kaum India dan Iban mempunyai peratusan yang sama iaitu 50.0%. Manakala bagi pelajar kaum Kadazan dan Cina pulak sebanyak 40% dan 38.3%. Pelajar dari kaum Melayulah paling ramai bersetuju iaitu sebanyak 59.2%.



Rajah 3.12: Membuat buku folio KOMSAS dapat membantu pelajar untuk memahami teks dengan lebih baik

**Aktiviti-Aktiviti yang Dijalankan oleh Guru BM dalam Mengajar KOMSAS Menyeronokkan**

Reaksi yang positif turut ditemui dalam soal selidik berkenaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh guru BM dalam mengajar KOMSAS menyeronokkan. Pelajar yang bersetuju agak tinggi peratusannya iaitu Melayu 64.7%, India 61.1%, Iban 72.7%, Kadazan 60.0%. Hanya pelajar kaum Cina sahaja memberi reaksi yang bertentangan kerana sebanyak 34.4% pelajar tidak bersetuju bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh guru BM dalam mengajar KOMSAS menyeronokkan. Peratusan sepenuhnya dapat diteliti dalam rajah 3.13 di bawah.




Rajah 3.13: Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh guru BM dalam mengajar KOMSAS menyeronokkan

**Alat Bantuan Mengajar yang Digunakan oleh Guru Dapat Membantu Pelajar Memahami KOMSAS dengan Lebih Mudah**

Aktiviti pengajaran akan menjadi lebih berkesan dan menyeronokkan jika guru turut menggunakan alat bantu mengajar yang bersesuaian dengan teks yang dibaca. Ternyata semua pelajar bersetuju bahawa alat bantuan mengajar yang digunakan oleh guru dapat membantu mereka memahami KOMSAS dengan lebih mudah. Peratusan paling tinggi adalah pelajar dari kaum Melayu iaitu sebanyak 62.7% dan peratusan paling rendah adalah dari pelajar kaum Cina iaitu sebanyak 47.4%.


PENGUASAAN BAHASA MELAYU DAN KOMSAS DARIPADA  
PERSPEKTIF GURU DAN MURID



Rajah 3.14: Alat bantuan mengajar yang digunakan oleh guru dapat membantu pelajar memahami KOMSAS dengan lebih mudah

**Teks KOMSAS yang digunakan amat sesuai untuk remaja**


Pelajar turut ditanya berkenaan kesesuaian teks KOMSAS yang digunakan untuk remaja. Berdasarkan statistik dalam rajah 3.15 di bawah, didapati pelajar kaum Iban paling bersetuju iaitu sebanyak 60.6%, diikuti pelajar India dan Melayu iaitu 59.3% dan 58.3%. Pelajar kaum Cina turut bersetuju walaupun peratusan paling rendah iaitu 46.8% sahaja.



Rajah 3.15: Teks KOMSAS yang digunakan amat sesuai untuk remaja

**Pelajar Tidak Menyukai Teks KOMSAS BM Kerana Jalan Ceritanya Membosankan**

Statistik dalam rajah 3.16 di bawah memaparkan bahawa pelajar dari kaum Cina sahaja yang bersetuju bahawa mereka tidak menyukai teks KOMSAS BM kerana jalan ceritanya membosankan. Peratusan yang diperolehi ialah 37.7%. Bagi pelajar dari kaum lain seperti Melayu ( 62.9%), India (63.0%), Iban (56.1%) dan Kadazan (46.7%) tidak bersetuju. Peratusan tersebut menunjukkan bahawa mereka menyukai teks KOMSAS.




Rajah 3.16: Pelajar tidak menyukai teks KOMSAS BM kerana jalan ceritanya membosankan

**Pelajar Tidak Menyukai Teks KOMSAS BM Kerana Gaya Bahasanya Terlalu Susah**

Berdasarkan analisis statistik dalam rajah 3.17, sekali lagi didapati pelajar dari kaum Cina bersetuju bahawa mereka tidak menyukai teks KOMSAS BM kerana gaya bahasanya terlalu susah. Peratusan yang diperolehi ialah 48.7%. Hanya 22.7% pelajar kaum Cina tidak bersetuju. Sebaliknya bagi pelajar dari lain-lain kaum adalah lebih ramai tidak bersetuju berbanding bersetuju. Peratusannya ialah; kaum Melayu 50.6%, kaum India 50.0%, kaum Iban 42.4% dan kaum kadazan 40.0%.

PENGUASAAN BAHASA MELAYU DAN KOMSAS DARIPADA  
PERSPEKTIF GURU DAN MURID



Rajah 3.17: Pelajar tidak menyukai teks KOMSAS BM kerana gaya bahasanya terlalu susah

Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar aliran Sains mempunyai sikap yang baik terhadap KOMSAS berbanding pelajar dari aliran sastera. Walau bagaimanapun pelajar aliran Sastera mempunyai persepsi yang lebih baik terhadap sastera. Keadaan ini tepat memandangkan sastera merupakan subjek utama mereka. Namun jika dilihat daripada sikap, pelajar aliran Sains pula yang mempunyai lebih tinggi peratusannya.

Jika dilihat daripada segi lokasi pula didapati pelajar dari bandar mempunyai sikap yang baik terhadap KOMSAS berbanding pelajar dari luar bandar tetapi pelajar dari luar bandar mempunyai persepsi yang tinggi iaitu 65 peratus terhadap KOMSAS. Kemungkinan dapat dikatakan mereka mempunyai persepsi yang baik tetapi sikap mereka yang kurang baik terhadap sastera kerana motivasi, kemudahan, dan persekitaran yang tidak kondusif di luar bandar jika dibandingkan keadaan dan kemudahan yang ada di bandar.

Begitu pula jika dilihat dari segi jantina didapati pelajar perempuan mempunyai sikap dan persepsi yang lebih baik terhadap KOMSAS jika dibandingkan dengan pelajar lelaki. Keadaan ini dapat diterangkan bahawa pelajar perempuan mempunyai minat membaca yang lebih berbanding dengan pelajar lelaki. Oleh sebab itu, didapati pelajar perempuan mempunyai sikap terhadap KOMSAS sebanyak 71.2 peratus dan pelajar lelaki hanya 52 peratus. Begitu juga dengan persepsi, pelajar perempuan sebanyak 70.1 peratus dan pelajar lelaki hanya 56.1 peratus.

Sekiranya dilihat dari segi kaum pula didapati kaum Melayu lebih mempunyai sikap dan persepsi yang tinggi terhadap KOMSAS. Perkara ini disebabkan pelajar Melayu dapat menghayati bahan sastera tersebut kerana bahan tersebut dalam bahasa ibunda mereka. Kaum kedua tertinggi ialah Iban iaitu sebanyak 73.4 peratus sikap mereka terhadap KOMSAS dan sebanyak 64.1 peratus persepsi mereka terhadap KOMSAS. Keadaan ini

dapat diterangkan kerana cerita novel *Terminal Tiga* yang dipilih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai buku teks sastera bagi Tingkatan Empat di Sarawak sesuai dengan kehidupan mereka. Oleh sebab itu, pelajar Sarawak daripada kaum Iban dapat menghayati novel tersebut.

#### Kesimpulan

Bahasa adalah cerminan sosial sesuatu masyarakat. Karya sastera pula dapat dikaji sebagai dokumen sosial dan gambaran tentang realiti sosial. Oleh sebab itu, novel yang dipilih untuk dijadikan teks kepada para remaja mestilah yang dapat menggambarkan realiti sosial diri mereka. Juga dengan itu novel tersebut dapat memberi idea, pemikiran dan harapan kepada remaja dalam mengharungi hidup mereka yang penuh cabaran. Kajian sosiolinguistik seperti ini perlu disebabkan aspek bahasa bukan hanya dilihat daripada segi strukturnya, malah perlu juga dilihat daripada segi fungsi bahasa dalam masyarakat amnya dan remaja khususnya. Sebagai manusia yang menggunakan bahasa secara total, sama ada berkesan atau tidak, setiap individu terutama remaja sentiasa mencari kesesuaian bahasa mereka untuk digunakan agar matlamat kemahiran berbahasa seperti penggunaan tatabahasa dapat berjalan dengan lancar. Pengajaran KOMSAS juga perlulah dapat menarik minat para remaja agar mereka dapat menghayati sastera sebaik mungkin. Begitu juga bahan yang digunakan untuk mengembangkan sikap, persepsi, minat terhadap sastera juga mesti menggunakan bahasa yang baik dan menarik. Oleh itu dapat dikatakan pelbagai faktor dapat menjadikan pengajaran dan pembelajaran KOMSAS lebih berkesan. Antaranya adalah pemilihan novel, pengajaran yang berkesan, motivasi yang tinggi, suasana yang kondusif agar dapat menghasilkan sikap, persepsi yang lebih baik terhadap KOMSAS oleh golongan pelajar pada peringkat remaja.

#### RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. 2001. *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ganakumaran S., Shahizah Ismail Hamdan and Koo Yew Lie. (2003). The incorporation of the Literature Component in the Malaysian ESL Syllabus for Secondary Schools: A Study of Pedagogical Implications'. In Ganakumaran S. (ed.) *Teaching of Literature in ESL/EFL Contexts*. Petaling Jaya: Sasbadi
- Gurnam Kaur Sidhu. (2003). 'Literature in the language classroom: Seeing through the eyes of learners'. in Ganakumaran S. (ed.) *Teaching of Literature in ESL/EFL Contexts*. Petaling Jaya: Sasbadi.
- Gardner & Lambert. 1972. *Attitudes and motivation in second language learning*. Rowley, MA: Newbury House.

PENGUASAAN BAHASA MELAYU DAN KOMSAS DARIPADA  
PERSPEKTIF GURU DAN MURID

- Harishon Radzi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Mustaffa Omar. 2009. Penguasaan imbuan dan ejaan bahasa Melayu : analisis perbandingan di tiga buah sekolah di Sarawak. *Prosiding seminar kebangsaan linguistik (SKALi09)*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 10 – 11 Mac 2009.
- Kalthum Ibrahim. 2006. Teknik Pengajaran Bahasa Melayu melalui Sastera Tradisi. Dlm. Norizan Razak, Rozainee Khairudin, dan Ravichandran Vengadasamy.(pnyt.) *Isu-isu pendidikan bahasa sastera dan psikologi di Malaysia*, hlm.61-69. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin et.al, 2003. Penguasaan Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Melayu dalam Arus Globalisasi, *Penyelidikan arus perdana AP I/2000*, Bangi, UKM
- Ramli Md. Salleh, Ismail Salleh, Idris Aman, Fadzeli Jaafar, 2000. Penguasaan Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Rendah: Kajian di Sekolah-Sekolah Rancangan FELDA Negeri Sembilan, *Penyelidikan fakulti M/3/98*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teo Kok Seong. 2006. Pedagogi Bahasa Melayu: Penajaran dan pembelajaran akal budi Melayu. Dlm. Norizan Razak, Rozainee Khairudin, dan Ravichandran Vengadasamy.(pnyt.) *Isu-isu pendidikan bahasa sastera dan psikologi di Malaysia*, hlm.18-27. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zalina Mohd Lazim dan Fauziah Ahmad. 2008. Pemilihan Kesesuaian Teks untuk Komponen Sastera dalam Bahasa Inggeri. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Noraini Ibrahim, dan Norsimah Mat Awal (pnyt.). *Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua: Masalah dan cabaran*, hlm. 170 – 192. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.